

Caj baru konsep upah

FAKTA
Kembali
kepada
matlamat
bantu pelajar

>>Oleh Hayati Ibrahim

ya_t@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: Kaedah baru pengiraan caj perkhidmatan bagi pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), yang ketika ini dikenakan sebanyak tiga peratus, akan diubah dengan menggunakan konsep upah selaras dengan penubuhannya untuk membantu pelajar melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin, berkata keputusan itu diambil selepas mengadakan mesyuarat dengan wakil PTPTN kira-kira satu setengah jam di Ibu Pejabat Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (Jakim) di sini, semalam.

“Pengiraannya akan menggunakan konsep upah, yang penting upah itu berbaloi dengan kerja (pengurusan PTPTN), pada masa sama ia tidak membebankan pelajar. Ini kerana konsep asalnya ialah menolong (pelajar),” katanya kepada Harian Metro selepas mempengerusikan mesyuarat muzakarah khas jawatankuasa berkenaan di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jakim, Datuk Wan Mohammad Sheikh Abdul Aziz.

Dr Abdul Shukor berkata, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan mengumumkan pelaksanaan pengiraannya sebagaimana dipersetujui Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan.



ABDUL SHUKOR...tidak bercanggah syarak

“Berdasarkan perbincangan kita tadi (semalam), semua pihak bersetuju dengan cara (pengiraan) yang dikemukakan kepada kita tidak bercanggah dengan hukum syarak dan kita memberi input kepada mereka mengenai caranya.

“Bagaimanapun, kadar itu terpulung kepada kementerian.... kita tak buat satu kadar yang tetap,” katanya.

Menurutnya, selaras dengan keputusan itu isu berkaitan kaedah pengiraan caj perkhidmatan tidak akan timbul lagi, sekali gus memuaskan hati semua pihak.

“Saya fikir semua pihak akan puas hati dengan cara ini sebab kementerian pun mencari jalan untuk menyelesaikan perkara ini...Insya-Allah selepas ini tiada masalah lagi,” katanya.